


BAB 5



BAB 5

PENEMUAN KAJIAN : ANALISIS DATA SECARA BERSILANG

Pada keseluruhannya, terdapat sejumlah 20 Jadual di dalam bab ini. Setiap Jadual yang dipilih umumnya memperlihatkan hubungan yang signifikan di antara dua angkubah. Angkubah-angkubah tersebut adalah angkubah bebas dan angkubah sandar. Sehubungan itu, sebanyak empat (4) angkubah bebas telah dipilih merangkumi jantina, pendidikan, taraf perkahwinan dan pekerjaan. Angkubah sandar pula terdiri daripada kumpulan angkubah budaya politik, pembentukan polisi serta manifesto parti. Selain dari itu, nilai-nilai chi-square (χ^2) dan analisis korelasi juga diberi tumpuan; termasuk menilai hipotesis-hipotesis yang ada. Hanya penemuan data analisis chi-square dan korelasi yang signifikan sahaja, iaitu, pada paras pengertian 10 peratus dan ke bawah ditonjol, baik korelasi yang kuat atau lemah.

A. Proses Pembentukan Budaya Politik

Terdapat tiga (3) skop utama dirangka bagi melihat bagaimana angkubah-angkubah bebas dan angkubah sandar saling berkorelasi dalam membentuk nilai-nilai budaya politik. Skop-skop tersebut merangkumi antara lain korelasi-korelasi berikut :-

- I. Menilai sikap jantina serta tahap pendidikan responden terhadap kecenderungan berparti;
- II. Mengetahui hubungan taraf pekerjaan dengan kecenderungan berpolitik;
- III. Mengukur sikap jantina serta tahap pekerjaan terhadap kepekaan mendaftar sebagai pengundi.

I. Korelasi Di Antara Jantina Dan Pendidikan Dengan Kecenderungan Berparti

Di dalam segmen ini, dua (2) angkubah bebas iaitu jantina dan pendidikan telah dipilih untuk digandingkan kecenderungan berparti selaku angkubah sandar. Pemilihan ini disandar kepada kriteria untuk mengukur tingkat kepekaan responden; keutamaan melibatkan dua parti dominan di Kelantan iaitu UMNO dan PAS.

Sungguhpun keutamaan diberi terhadap dua parti dominan di Kelantan, keujudan etnik Cina tidak dipinggirkan. Seramai 10 responden mewakili enam (6) lelaki dan empat (4) perempuan dari Dewan Perniagaan China Kelantan (DPCK) turut mengambil bahagian memberikan responnya.

Hubungan kedua-dua angkubah dinyatakan dalam hipotesis-hipotesis berikut:-

1. Ada perbezaan di antara sikap jantina terhadap kecenderungan berparti di Kelantan.
2. Kumpulan wanita didapati lebih cenderung memilih PAS berbanding lelaki.
3. Semakin tinggi kelulusan seseorang, semakin condong mereka kepada UMNO.

a. Hubungan Jantina Dengan Parti

Jadual 16, Bahagian A, cuba melihat hubungan antara angkubah bebas *jantina* dengan angkubah sandar *parti*. Dari perspektif ini, kita dapat menilai persepsi serta sokongan responden lelaki dan perempuan terhadap parti yang mereka sukai. Sekali imbas, data-data tertera menunjukkan hanya parti PAS dan UMNO menjadi pilihan. Manakala respon terhadap MCA terlalu kecil pada kadar 3.8 peratus dari jumlah keseluruhan responden.

Sejumlah 261 responden memberi maklum balas. Dari jumlah tersebut, segmen lelaki merupakan kumpulan terbesar mewakili jumlah 225 orang (86.2 peratus), manakala kumpulan perempuan hanya 36 orang atau kira-kira 13.8 peratus.

Berdasar data-data yang diperolehi, keseluruhannya respon terhadap parti PAS dan UMNO menampakkan peratusan yang hampir seimbang. Parti

Jadual 16

Hubungan Jantina Dan Pendidikan
Dengan Parti Politik

B A H A G I A N A	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon				Jumlah
							UMNO	MCA	PAS	Tiada Respon	
Jantina	Parti Politik	17.843	3	0.25		Signifikan pada paras keertian 0.001					
Lelaki							91 (40.4%)	6 (2.7%)	120 (53.3%)	8 (3.6%)	225 (86.2%)
Perempuan							22 (61.1%)	4 (11.1%)	7 (19.4%)	3 (8.3%)	36 (13.8%)
JUMLAH							113 (43.3%)	10 (3.8%)	127 (48.7%)	11 (4.2%)	261 (100.0%)
Pendidikan		27.725	15	0.31		Signifikan pada paras keertian 0.023					
Universiti/ Kolej							19 (35.8%)	2 (3.8%)	29 (54.7%)	3 (5.7%)	53 (20.4%)
STPM dan setaraf							15 (38.8%)	2 (5.1%)	21 (53.8%)	1 (2.6%)	39 (15.0%)
SPM dan setaraf							62 (56.4%)	5 (4.5%)	36 (32.7%)	7 (6.4%)	110 (42.3%)
SRP dan setaraf							11 (39.3%)	1 (3.6%)	16 (57.1%)		28 (10.8%)
Sekolah Rendah							6 (19.4%)		25 (80.6%)		31 (11.9%)
JUMLAH							113 (43.3%)	10 (3.8%)	127 (48.7%)	11 (4.2%)	261 (100.0%)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

PAS mencatat peratusan tertinggi iaitu 48.7 peratus atau 127 responden berbanding jumlah keseluruhan 261 responden. Ini diikuti oleh respon terhadap parti UMNO mencatat 43.3 peratus atau 113

responden. Respon seumpama ini kemungkinan didorong oleh pemilihan sempel yang terdiri dari pelbagai strata termasuk ahli parti-parti politik, kakitangan kerajaan, swasta serta golongan yang bekerja sendiri.

Melihat kepada angkubah bebas Jantina pula, dari jumlah 225 responden lelaki, 120 orang atau 53.3 peratus memilih parti PAS, manakala 91 responden (40.4 peratus) mewakili UMNO. Nyata sekali sokongan kaum lelaki terhadap PAS adalah lebih tinggi berbanding UMNO pada bezaan angka 29 responden. Senario sebegini dipercayai mempunyai kaitan dengan Kerajaan Negeri Kelantan pada masa ini dikuasai oleh parti PAS. Oleh itu, tidak hairan sekiranya populariti mereka tinggi berbanding UMNO.

Sungguhpun majoriti responden kumpulan lelaki menunjukkan sokongan terhadap PAS, namun senario berbeza dilihat dalam kumpulan jantina perempuan. Dari sejumlah 36 responden kumpulan ini, sejumlah 22 responden memilih parti UMNO. PAS hanya menjadi pilihan tujuh (7) responden. Perbezaan ketara sokongan antara UMNO dan PAS pada nisbah 61.1% : 19.4% membayangkan golongan perempuan menjadi penyokong kuat UMNO. Dapatan ini kemungkinan dapat menangkis hipotesis sebelumnya bahawa kaum perempuan merupakan penyokong kuat parti PAS.

Berdasarkan analisis di atas, jelas bahawa hipotesis yang menyatakan semua pihak memberi sokongan padu kepada PAS tidak boleh diterima bulat-bulat. Ternyata, golongan wanita menjadi penyokong kuat kepada UMNO. Respon keseluruhan PAS dengan UMNO pada kadar 48.7% : 43.3% membuktikan bahawa persaingan antara PAS dan UMNO tetap wujud. Sementara PAS tidak boleh mendabik dada, UMNO pula harus bekerja kuat untuk meningkatkan sokongan.

b. Hubungan Pendidikan Dengan Parti

Hubungan antara angkubah bebas *pendidikan* dengan angkubah sandar *parti* yang tertera di Jadual 16 (Bahagian B) juga menjanjikan penemuan menarik. Umumnya, wujud titik persamaan dari aspek jantina dan tahap pendidikan dengan respon terhadap parti. Didapati jumlah respon keseluruhan korelasi antara tahap pendidikan dengan parti adalah sama dengan angka-angka yang diperolehi dari korelasi antara jantina dengan parti. Ini membayangkan maklumat yang diperolehi daripada responden adalah "reliable" serta tepat. Angka-angka yang diperolehi oleh UMNO, MCA, PAS serta tiada respon bagi kedua-dua data masing-masing adalah 113 (43.3%): 10 (3.8%): 127 (48.7%): 11 (4.2%).

Bagi kategori tahap pendidikan, lima (5) kumpulan dibentuk meliputi Universiti/kolej; STPM dan setaraf; SPM dan setaraf; SRP dan setaraf; dan Sekolah Rendah. Didapati peratusan yang memilih PAS tinggi bagi Universiti/kolej; STPM; SRP dan Sekolah Rendah pada nisbah 54.7% : 53.8% : 57.1% : 83.3% dalam kumpulan masing-masing. Peratusan ini agak tinggi dibanding UMNO, dengan rata-rata sokongan yang diperolehi daripada kumpulan tersebut di bawah 39.3 peratus. Natijah yang menunjukkan majoriti golongan kelulusan Universiti serta STPM memilih PAS agak menarik kerana lazimnya umum bertanggapan bahawa parti itu hanya menjadi tarikan golongan bawahan. Data menunjukkan mereka yang berkelulusan Universiti/kolej lebih memilih PAS relatif UMNO pada nisbah 54.7% : 35.8%. Penemuan mutakhir ini meletakkan penafian terhadap hipotesis yang berpendapat semakin tinggi kelulusan lebih cenderung memilih UMNO.

Di sudut beriringan, UMNO masih menjadi tarikan utama kepada kumpulan SPM pada nisbah 56.4 peratus berbanding PAS 32.7 peratus. Peratusan tersebut dikira dominan kerana kumpulan ini merupakan majoriti keseluruhan responden iaitu 110 orang (42.1 peratus) daripada 261 orang. Ini secara tidak langsung membayangkan golongan penyokong kuat UMNO terdiri daripada golongan pertengahan.

Berdasarkan ujian χ^2 , didapati kedua-dua angkubah bebas (jantina dan tahap pendidikan) adalah sederhana tinggi, iaitu di antara nilai kontingensi koefisyen 0.25 (jantina) dan 0.31 (pendidikan). Ini ketara menunjukkan angkubah bebas pendidikan adalah lebih kuat hubungannya dengan angkubah sandar, jika dibandingkan dengan faktor jantina. Perangkaan dan peratusan yang dipamer di dalam kedua-dua data boleh di anggap bahawa angkubah bebas jantina dan pendidikan memberi signifikan kepada asas minat seseorang responden terhadap sesuatu parti.

II. Korelasi Di Antara Pekerjaan Dengan Kecenderungan Berpolitik

Bagi mengukuhkan analisis, satu lagi perspektif untuk menilai sejauhmana angkubah bebas mempengaruhi proses pembentukan budaya politik dikemuka. Sehubungan itu, dua (2) angkubah bebas dipilih, membabitkan tahap pekerjaan; dan jantina. Angkubah sandar dari kelompok budaya politik pula terdiri daripada minat berpolitik; dan mendaftar mengundi. Hubungan tersebut dinyatakan di dalam hipotesis-hipotesis berikut:-

1. Ada perbezaan pandangan terhadap parti-parti politik dari segi tempoh perkhidmatan.

2. Responden yang bekerja di sektor Kerajaan lebih meminati politik berbanding lain-lain sektor.

a. Hubungan Taraf Pekerjaan Dengan Minat Berpolitik

Berdasarkan data di Jadual 17, wujud korelasi antara taraf pekerjaan dengan minat

Jadual 17

Hubungan Di Antara Jenis Pekerjaan
Dengan Minat Berpolitik

B	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon				Jumlah
							< 5 tahun	6-10 tahun	11-15 tahun	16 tahun >	
H	Taraf Pekerjaan	Bila Minat	26.954	9	0.31	Signifikan pada paras keertian 0.059					
A	Kerajaan						12 (7.44)	35 (21.54)	31 (19.04)	85 (52.14)	163 (64.54)
G	Swasta						7 (31.84)	1 (4.54)	7 (31.84)	7 (31.84)	22 (8.74)
I	Sendiri						3 (5.24)	11 (19.04)	14 (24.14)	30 (51.74)	58 (22.84)
N	Tidak Bekerja						1 (50.04)		1 (50.04)		2 (0.84)
A	Bersara						1 (11.14)	2 (22.24)	6 (66.74)	9 (50.44)	25 (100.04)
	JUMLAH						23 (9.14)	48 (18.94)	55 (21.74)	128 (50.44)	254 (100.04)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

berpolitik dalam membentuk budaya politik masyarakat Melayu Kelantan. Penemuan ini dikira agak penting kerana ia mampu menggambarkan senario umum pemilihan minat responden terhadap parti politik.

Berdasarkan data yang diperolehi, responden dalam kelompok bekerja dengan Kerajaan merupakan kumpulan paling ramai; mewakili 64.5 peratus (163 orang) daripada sejumlah 254 responden. Ini diikuti golongan bekerja sendiri sebanyak 22.8 peratus (58 orang). Bakinya, golongan yang bekerja dengan swasta serta golongan bersara masing-masing pada 8.7 peratus (22 orang) dan 3.5 peratus (9 orang). Sekali imbas, data menunjukkan semakin lama tempoh seseorang itu bekerja, maka semakin minat mereka terhadap parti-parti politik tertentu. Diperhati, dalam semua jenis taraf pekerjaan, golongan yang meminati politik untuk tempoh 16 tahun dan ke atas merupakan kelompok tertinggi. Jumlah tersebut merangkumi 128 responden iaitu kira-kira 50.4 peratus. Ini diikuti tempoh 11-15 tahun; 6-10 tahun; dan di bawah 5 tahun masing-masing pada kadar 55 (21.7%); 48 (18.9%); 23 (9.1%).

Dari perangkaan tersebut, kumpulan paling lama meminati parti politik yang disukai adalah kelompok Kerajaan yang berkhidmat pada tahap 16 tahun ke

atas. Kumpulan ini menghasil sejumlah 85 orang atau 52.1 peratus daripada 163 responden. Senario ini tidak menghairankan kerana diketahui bahawa golongan kakitangan Kerajaan merupakan kelompok terbesar terbabit dalam politik relatif lain-lain sektor pekerjaan. Ini juga bererti, hipotesis yang menyatakan ada perbezaan pandangan terhadap parti-parti politik dari segi tempoh perkhidmatan boleh diterima.

III. Korelasi Sikap Jantina Terhadap Pendaftaran Mengundi

Bagi melihat kepekaan dan komitmen responden terhadap proses pengundian bagi memilih wakil, angkubah sandar mendaftar mengundi telah dimajukan. Angkubah ini dipadankan dengan angkubah bebas jantina di Jadual 18. Bagi mengukur kekuatan korelasi kedua pihak, maka dua (2) hipotesis telah dibentuk. Hipotesis-hipotesis itu ialah:-

1. Kumpulan lelaki didapati lebih tinggi komitmen mendaftar mengundi relatif perempuan.
2. Wujud perbezaan di kalangan jantina terhadap komitmen menjadi pengundi sah berdaftar.

Jadual 18

Hubungan Jantina Dengan Mendaftar Mengundi

B A H A G I A N A	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan		Jenis Respon Ya	Jenis Respon Tidak	Jumlah
						Signifikan	Tidak			
Jantina	Mendaftar	11.866	1	0.21	Signifikan pada paras keertian 0.006					
Lelaki						222 (96.9%)	7 (3.1%)			229 (86.1%)
Perempuan						31 (83.8%)	6 (16.2%)			37 (13.9%)
JUMLAH						253 (95.1%)	13 (4.9%)			266 (100.0%)

Catatan

DK^1 = Darjah Kebebasan

KK^2 = Kontingensi Koefisien

Berdasarkan data, didapati 253 atau 95.1 peratus daripada 266 responden mendaftar diri sebagai pengundi berdaftar. Jumlah ini dikira "excellent" dan membayangkan komitmen serta kepekaan tinggi responden dalam melaksana tanggungjawab sebagai seorang warganegara. Dari perangkaan tersebut, peratusan kumpulan lelaki yang menjadi pengundi berdaftar mencatat nilai tertinggi bagi keseluruhan kelas yang ditetapkan. Mereka merangkumi seramai 222 responden. Jumlah ini merupakan 96.9 peratus daripada keseluruhan responden lelaki seramai 229 orang.

Peratusan di kalangan perempuan yang mendaftar juga tidak kurang hebatnya. Didapati, kumpulan ini

mencatatkan sebanyak 83.8 peratus (31 orang) berbanding jumlah keseluruhan 37 responden.

Di sebalik perangkaan memberangsangkan, terdapat juga sejumlah daripada responden lelaki dan perempuan yang tidak mendaftar. Golongan ini adalah seramai 13 orang; 7 lelaki dan 6 perempuan. Penemuan ini mungkin mempunyai pertalian dengan sikap segelintir responden terhadap budaya politik masyarakat di Kelantan yang tidak menentu. Hubungan intra parti UMNO dan inter parti PAS-UMNO yang tidak begitu harmonis meletakkan responden bersikap "alpa" terhadap pendaftaran mengundi.

B. Proses Pembentukan Polisi Kerajaan Kelantan

Dalam meneliti proses pembentukan polisi Kerajaan Kelantan, beberapa tahap korelasi antara angkubah-angkubah bebas dan angkubah sandar telah diperagakan. Korelasi-korelasi yang ditentukan meliputi aspek-aspek berikut :-

- a. Menilai bila minat, mendaftar mengundi, pengaruh teman, kesedaran mengundi dan perkempenan dengan unsur permuaafakatan dalam pembentukan polisi.

- b. Hubungan sukakan calon, pengaruh kempen, pengaruh media dan manifesto parti dengan unsur kuasa persekitaran; serta
- c. Hubungan manifesto parti dengan peranan golongan elit.

I. Korelasi Faktor-Faktor Kecenderungan Berpolitik Dengan Unsur Permuafakatan Dalam Proses Pembentukan Polisi

Bagi melihat korelasi faktor-faktor kecenderungan berpolitik dengan unsur-unsur permuafakatan dalam proses pembentukan polisi Kerajaan Kelantan beberapa bentuk hubungan diuraikan. Di antara faktor-faktor kecenderungan berpolitik yang dipilih ialah bila minat, mendaftar dan kesedaran mengundi, pengaruh teman serta perkempenan.

Bagi menguji kekuatan hubungan di antara dua (2) kelompok angkubah berkenaan, sebanyak empat (4) hipotesis telah dibangunkan. Hipotesis-hipotesi itu mencakupi:-

1. Semakin lama seseorang itu meminati politik, semakin cenderung menyatakan pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan berasas unsur-unsur permuafakatan.

2. Terdapat perbezaan pendapat terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan hasil muafakat dari segi pendaftar pengundi.
 3. Wujud perbezaan pendapat terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan hasil muafakat dari segi pendaftar pengundi.
 4. Ada perbezaan pendapat terhadap pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan hasil muafakat dari segi kesedaran mengundi.
 - a. Hubungan Bila Minat Berpolitik Dengan Permuafakatan Dalam Pembentukan Polisi
- Korelasi di Jadual 19 pula bertujuan meninjau sejauhmana kesedaran politik seseorang responden dalam menanggapi pembentukan polisi awam di Negeri Kelantan. Sehubungan itu, angkubah bebas bila minat dipilih untuk diregu dengan angkubah sandar permuafakatan dalam pembentukan polisi.
- Berdasar data yang dipaparkan, didapati perangkaan responden yang memilih "ya" atau "tidak" berada pada kedudukan hampir seimbang. Ketara juga bahawa tinjauan ini mewujudkan dua golongan yang

Jadual 19

Hubungan Bila Minat Berpolitik Dengan
Permuafakatan Dalam Pembentukan Polisi

B	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak		Jenis Respon Ya	Jenis Respon Tidak	Jumlah
						Signifikan	Tidak			
H	Bila Minat	Unsur Muafakat	24.438	6	0.29	Signifikan pada paras keertian 0.040				
G	Kurang dari 5 tahun					14	7	21	(6.1%)	(8.3%)
N	6 - 10 tahun					36	13	49	(25.9%)	(19.3%)
A	11 ke 15 tahun					32	24	56	(23.0%)	(22.0%)
	16 tahun ke atas					57	71	128	(41.0%)	(50.4%)
	JUMLAH					139	115	254	(54.7%)	(45.3%)
										(100.0%)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

berbeza pendapat dalam margin yang tidak terlalu jauh iaitu pada kadar peratusan 54.7% : 45.3% atau 139 : 115 responden.

Secara terperinci, diperhati wujud satu aliran berhubung pemilihan jawapan "ya" atau "tidak". Didapati semakin lama tempoh responden meminati sesuatu parti politik, maka semakin tinggi tahap jawapannya. Misalnya, golongan yang memilih jawapan "ya" dikira daripada empat (4) kelas tempoh masa yang diwujud meningkat penjumlahan

daripada 14; 36; 32; dan 57 orang. Begitu juga bagi responden yang memilih jawapan "tidak" di mana aliran yang sama berlaku iaitu kadarnya meningkat daripada 7; 13; 24; kepada 71 orang.

Berdasarkan kajian, jelaslah bahawa keyakinan politik seseorang semakin tinggi apabila lebih lama mereka menceburinya. Secara tidak langsung data ini juga mencerminkan lebih daripada separuh responden mempunyai persepsi bahawa pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan dicapai melalui permuafakatan kumpulan-kumpulan tertentu. Justeru, hasilan ini sekaligus berupaya menyokong hipotesis semakin lama seseorang itu meminati politik, semakin cenderung menyatakan pembentukan polisi Kerajaan Kelantan lebih diasas kepada unsur-unsur permuafakatan.

**b. Hubungan Mendaftar Mengundi Dengan
Permuafakatan Dalam Pembentukan Polisi**

Sebagaimana angkubah bila minat, angkubah bebas mendaftar mengundi di Jadual 20 juga memperlihatkan dapatan yang hampir serupa. Dari sejumlah 263 respon yang diterima, 144 orang atau 54.8 peratus berpendapat pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan adalah terbit dari permuafakatan pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, dari jumlah tersebut golongan yang menjadi pengundi berdaftar hanyalah 137 orang (95.1

peratus); manakala baki walaupun mempunyai tanggapan sama sebenarnya tidak menjadi pengundi berdaftar.

Jadual 20

Hubungan Mendaftar Mengundi Dengan Permuafakatan Dalam Pembentukan Polisi

B A H A G I A N	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon		Jumlah
							Ya	Tidak	
B	Mendaftar	Unsur	19.357	2	0.26	Signifikan pada paras keertian 0.006			
A	Mengundi	Muafakat							
H	Ya						137 (95.1%)	113 (95.5%)	250 (95.1%)
A	Tidak						7 (4.9%)	6 (5.0%)	13 (45.2%)
G	JUMLAH						144 (54.8%)	119 (45.2%)	263 (100.0%)
I									
A									
N									

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

Sejumlah 119 responden (45.2 peratus) pula berpendapat pembentukan polisi Kerajaan negeri Kelantan tidak dibuat melalui permuafakatan pihak-pihak tertentu. Dari jumlah ini, 113 responden atau 95.5 peratus merupakan golongan yang menjadi pengundi berdaftar. Bakinya, 6 orang (5.0 peratus) pula bukan dari kalangan pengundi berdaftar.

Berdasarkan senario tersebut, kita boleh membuat andaian bahawa persepsi responden yang menjadi pengundi berdaftar terhadap pembentukan polisi Kerajaan membayangkan pendapat yang hampir seimbang. Ini disebabkan dari jumlah keseluruhan **250** responden yang menjadi pengundi berdaftar, **54.8** peratus percaya bahawa pembentukan polisi Kerajaan dibuat melalui permuafakatan pihak-pihak tertentu. Baki, **45.2** peratus (**13** responden) berpendapat sebaliknya.

c. Hubungan Kesedaran Mengundi Dengan Pembentukan Polisi

Berdasarkan data di jadual 21 (Bahagian A), terdapat **175** responden atau **67.6** peratus berpendapat kesedaran mengundi merupakan faktor pendorong mereka keluar mengundi. Jumlah ini dikira memberangsangkan jika dua lagi kelas dicampur iaitu kelas bersetuju dan sederhana di mana masing-masing mencatat perangkaan **66** dan **10** orang. Ini bermakna, jumlah keseluruhan responden yang berpandangan positif bahawa mereka mengundi atas dasar kesedaran ialah **251** (**97.0** peratus) berbanding keseluruhan responden berjumlah **259**. Hanya **8** responden (**3.0** peratus) yang tidak bersetuju dengan faktor ini.

Jadual 21

Hubungan Kesedaran Mengundi Dengan
Pembentukan Polisi

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Ya	Jenis Respon	
								Tidak	Jumlah
B	Kesedaran	Pembentuk	26.554	8	0.30	Signifikan pada paras keertian 0.084			
A	Mengundi	Polisi							
H	Amat Bersetuju						79	96	175
G							(55.6%)	(82.1%)	(67.6%)
I	Bersetuju						50	16	66
N							(35.2%)	(13.7%)	(25.5%)
A	Sederhana						7	3	10
	Kurang Bersetuju						4		4
							(2.8%)		(1.5%)
	Tidak Bersetuju						2	2	4
							(1.4%)	(1.7%)	(1.5%)
	JUMLAH						142	117	259
							(54.8%)	(45.2%)	(100.0%)
B	Pengaruh	"	25.772	8	0.30	Signifikan pada paras keertian 0.011			
A	Teman								
H	Amat Bersetuju						10	4	14
G							(7.1%)	(3.4%)	(5.4%)
I	Bersetuju						6	8	14
N							(4.3%)	(6.8%)	(5.4%)
B	Sederhana						19	22	41
	Kurang Bersetuju						36	16	52
							(25.5%)	(13.8%)	(20.2%)
	Tidak Bersetuju						70	67	137
							(49.6%)	(57.3%)	(53.1%)
	JUMLAH						141	117	258
							(54.7%)	(45.3%)	(100.0%)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingenzi Koefisyen

Namun begitu, korelasi dengan saranan bahawa pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan didapati mewujudkan dua perbezaan pendapat yang agak ternyata. Didapati, 79 responden daripada sejumlah 175 dalam kategori amat bersetuju berpendapat bahawa pembentukan polisi dicapai melalui permuafakatan kumpulan-kumpulan tertentu. Manakala, baki 96 responden berpendapat sebaliknya. Begitu juga dalam kategori di mana 50 daripada 66 responden mempunyai pendapat yang sama; manakala bakinya 16 menolak.

Secara keseluruhannya, kumpulan yang bersetuju bahawa polisi dicapai melalui permuafakatan membentuk sejumlah 142 orang. Jumlah ini merupakan 54.8 peratus dari pada keseluruhan responden yang berjumlah 259 orang. Bakinya seramai 117 berpendirian menentang.

d. Hubungan Pengaruh Teman Dengan Pembentukan Polisi

Data-data di Jadual 21 (Bahagian B) pula mendapati walaupun memberikan jawapan yang hampir sama dalam Bahagian A, namun menunjukkan "trend" menyongsang. Didapati, peratusan kecenderungan mengundi yang terbit dari pengaruh teman menjurus kepada kategori negatif iaitu kurang bersetuju dan tidak bersetuju. Seramai 137 responden (51.1

peratus) didapati pada kedudukan tidak bersetuju; 52 responden (20.2 peratus) kurang bersetuju; dan 41 responden (15.9 peratus) bersikap sederhana. Bakinya, 28 responden pula berpendapat amat bersetuju dan bersetuju.

Rumusannya, responden yang bersetuju bahawa pembentukan polisi dibuat melalui permuafakatan mencatat angka 141 orang (54.7 peratus). Manakala yang tidak bersetuju pada statistik 117 responden (45.3 peratus). Golongan yang tidak bersetuju mengundi disebabkan pengaruh teman mencatatkan peratusan tinggi bersetuju dengan konsep permuafakatan dalam pembentukan polisi. Mereka terdiri daripada 70 responden. Dalam kategori yang sama, 67 responden didapati menolaknya. Di tahap ini kurang bersetuju mengundi kerana pengaruh teman pula didapati 36 daripada 52 responden bersetuju, manakala bakinya 16 menentang. Ini sekaligus menunjukkan bahawa dua golongan iaitu kurang bersetuju dan tidak bersetuju membentuk perangkaan tertinggi dengan adanya idea permuafakatan dalam pembentukan polisi iaitu pada kadar 106 responden berbanding 83 responden yang menentang bagi kategori yang sama.

Jika dibandingkan kedua-dua data dalam Bahagian A dan B, jelas sekali wujud aliran kecenderungan mengundi yang berbeza. Ini

membuktikan bahawa angkubah bebas kesedaran mengundi lebih kuat berbanding angkubah bebas pengaruh teman. Didapati responden angkubah bebas kesedaran mengundi dalam kategori amat bersetuju dan bersetuju mencatat angka 241 (93.0 peratus), sedangkan responden dalam angkubah bebas pengaruh teman berpendirian kurang bersetuju dan tidak bersetuju mencatat angka 189 orang (73.3 peratus). Kedua-dua perangkaan yang diperolehi dari angkubah-angkubah bebas tersebut membuktikan bahawa kesedaran mengundi merupakan faktor pendorong utama mengapa seseorang itu keluar menunai haknya berbanding dipengaruhi teman.

e. Hubungan Pengaruh Kempen Dengan Pembentukan Polisi

Berdasarkan Jadual 22, data menunjukkan taburan perangkaan menyongsang. Didapati responden tidak menganggap pengaruh kempen memberikan kesan ke atas mereka untuk keluar membuang undi. Hanya 44 responden beranggapan amat setuju dan setuju bahawa ianya meninggalkan kesan. Bakinya, 58 responden (22.7 peratus) berkedudukan sederhana. Manakala, yang bertanggapan kurang setuju dan tidak bersetuju pula pada nisbah 73 : 81 orang atau 28.5% : 31.6%. Ini menunjukkan angkubah bebas pengaruh kempen tidak begitu memberi signifikan kepada responden diukur relatif kecenderungan mengundi.

Jadual 22

Hubungan Pengaruh Kempen Dengan
Pembentukan Polisi

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Ya	Tidak	Jenis Respon	Jumlah
B	Pengaruh	Pembentuk	11.033	4	0.20	Signifikan pada paras keertian 0.026				
A	Kempen	Polisi					8	6	14	
H		Amat Bersetuju					(5.7%)	(5.2%)	(5.5%)	
G		Bersetuju					14	16	30	
I		Sederhana					32	26	58	
A		Kurang Bersetuju					51	22	73	
N		Tidak Bersetuju					36	45	81	
C		JUMLAH					141	115	256	
							(55.1%)	(44.9%)	(100.0%)	

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

Korelasi dengan angkubah sandar pembentukan polisi pula menghasilkan 141 orang (55.1 peratus) daripada keseluruhan responden seramai 256 bersetuju bahawa pembentukan polisi Kerajaan Kelantan mempunyai unsur permuafakatan pihak-pihak tertentu. Manakala bakinya, 115 responden (44.9 peratus) berpendapat sebaliknya. Kelompok pada kategori kurang setuju merupakan kumpulan terbesar yang pro kepada angkubah sandar ini iaitu 51 responden (36.2 peratus). Ini diikuti kategori

tidak bersetuju pada kadar 36 orang (25.5 peratus); tahap sederhana 32 orang (22.7 peratus); bakinya, bersetuju dan amat bersetuju masing-masing pada nisbah 14 (9.9%) : 8 (5.7%). Kelompok yang bertanggapan negatif terhadap saranan angkubah sandar pula dijuarai oleh kategori tidak bersetuju pada kadar 45 responden (39.1 peratus). Ini diikuti oleh lain-lain kategori iaitu sederhana; kurang setuju; bersetuju; dan amat setuju, masing-masing pada nisbah 26 (22.6%) : 22 (19.1%) : 16 (13.9%) : 6 (5.2%).

II. Korelasi Faktor Kecenderungan Berparti Dengan Kuasa Persekutaran

Bagi menilai persepsi responden terhadap peranan kuasa persekitaran dalam proses pembentukan polisi Kerajaan Kelantan, beberapa angkubah bebas telah digandingkan dengan angkubah sandar kuasa persekitaran. Angkubah-angkubah bebas tersebut merangkumi faktor kecenderungan berparti diantaranya sukakan calon; pengaruh kempen; dan pengaruh media.

Korelasi itu dipertonton menerusi hubungan hipotesis-hipotesis berikut:-

1. Ada perbezaan pandangan terhadap hubungan sukakan calon dengan pembentukan polisi berasas faktor persekitaran.

2. Terdapat perbezaan pandangan terhadap hubungan pengaruh kempen dengan pembentukan polisi berasas faktor persekitaran.
 3. Wujud perbezaan persepsi terhadap hubungan pengaruh media dengan pembentukan polisi berteras faktor persekitaran.
- a. **Hubungan Sukakan Calon dan Pengaruh Kempen Dengan Faktor Persekitaran**

Selain persepsi bahawa pembentukan polisi awam Negeri Kelantan dibentuk melalui permuafakatan pihak-pihak tertentu, terdapat juga tanggapan yang dihubungkan dengan faktor-faktor kuasa persekitaran. Di bawah skop ini dua (2) angkubah bebas dipilih melibatkan sukakan calon dan pengaruh kempen.

Berteraskan data di Jadual 23 (Bahagian A), didapati responden yang kecenderungan mengundi kerana sukakan calon dalam semua kelas pendapat bersetuju bahawa pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan didorong oleh faktor-faktor persekitaran. Ini dibuktikan dengan peratusan tinggi yang dipamer iaitu kadar 74.1 peratus (192 orang) berbanding mereka yang berpendapat sebaliknya iaitu 25.9 peratus atau 67 responden. Dapatan ini merupakan

Jadual 23

**Hubungan Sukakan Calon Dengan
Pembentukan Polisi Oleh Faktor Persekutaran**

Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai X ²	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon		
						Ya	Tidak	Jumlah
B Sukakan Calon	Paktor Sekitar	9.176	4	0.18	Signifikan pada paras keertian 0.056	42 (21.9%)	18 (26.9%)	60 (23.3%)
G Amat Bersetuju								
I Bersetuju						81 (42.2%)	25 (37.3%)	106 (40.9%)
A Sederhana						47 (24.5%)	9 (13.4%)	56 (21.6%)
Kurang Bersetuju						18 (9.4%)	10 (14.9%)	28 (10.8%)
Tidak Bersetuju						4 (2.1%)	5 (7.5%)	9 (3.5%)
JUMLAH						192 (74.1%)	67 (25.9%)	259 (100.0%)
B Pengaruh Kempen	"	12.595	4	0.22	Signifikan pada paras keertian 0.013	6 (3.1%)	8 (12.1%)	14 (5.4%)
A Amat Bersetuju								
G Bersetuju						20 (10.5%)	11 (16.7%)	31 (12.1%)
I Sederhana						49 (25.7%)	9 (13.6%)	58 (22.6%)
Kurang Bersetuju						57 (29.8%)	16 (24.2%)	73 (28.4%)
B Tidak Bersetuju						59 (30.9%)	22 (33.3%)	81 (31.5%)
JUMLAH						191 (74.3%)	66 (25.7%)	257 (100.0%)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

sesuatu yang konkret kerana jika dilihat secara halus, dari sejumlah 192 responden yang bersetuju dengan pendapat bahawa pembentukan polisi dipengaruhi oleh faktor persekitaran, 123 daripadanya (44.1 peratus) merupakan mereka amat bersetuju dan bersetuju mengundi kerana sukakan seseorang calon. Secara tidak langsung perangkaan ini menunjukkan bahawa proses pemilihan calon yang sesuai salah satu kriteria utama membantu peluang kemenangan sekaligus antara faktor kuat mendorong pengundi keluar membuang undi.

Dari sudut lain, kelompok yang mengundi kerana sukakan calon pada tahap amat bersetuju, setuju dan sederhana seramai 222 responden menunjukkan perbezaan pendapat yang ketara. Didapati 170 responden memilih "ya", manakala bakinya 52 responden memilih "tidak". Perangkaan ini dikira dominan kerana jumlah 222 orang merupakan 85.7 peratus daripada keseluruhan 259 responden. Penemuan ini sebenarnya menunjukkan sikap positif serta tahap kepercayaan responden terhadap politik dan sistem pilihanraya negara.

b. Hubungan Pengaruh Kempen Dengan Faktor Persekitaran

Berbanding dapatan yang agak positif angkubah bebas sukanan calon, angkubah bebas pengaruh kempen menunjukkan sedikit perbezaan. Data di Jadual 23

(Bahagian B) menunjukkan statistik responden yang mengundi kerana terdorong pengaruh kempen, majoritinya didapati memberikan reaksi yang agak negatif. Hanya kira-kira 44 responden (17.5 peratus) berpendapat faktor ini sebagai pendorong. Bakinya, 58 responden (22.6 peratus) berada di tahap sederhana. Manakala selebihnya yang membentuk majoriti merupakan mereka yang kurang bersetuju dan tidak bersetuju, berjumlah 154 responden (59.9%) dengan masing-masing mencatatkan 73 : 81 orang.

Pada keseluruhannya, angka yang bersetuju dan tidak dengan pendapat yang mengatakan polisi terbentuk melalui faktor persekitaran dihubung dengan angkubah bebas pengaruh kempen ialah pada kadar 191 : 66. Angka ini sebenarnya tidak banyak berbeza dengan dapatan yang dipaparkan dalam angkubah bebas sukanan calon. Namun begitu, terdapat sedikit perubahan "trend" di mana jumlah majoriti yang menyokong pendapat ini terdiri dari mereka yang kurang bersetuju dan tidak bersetuju faktor pengaruh kempen sebagai pendorong mereka keluar mengundi. Data menunjukkan kelompok ini terdiri daripada 154 responden dengan 116 bersetuju manakala bakinya 38 orang tidak. Kemungkinan besar kelompok yang sama mengundi kerana sukanan calon tidak terpengaruh dengan kempen. Oleh sebab

itulah, jumlah perangkaan yang diperolehi menunjukkan nilai yang hampir sama.

c. Hubungan Pengaruh Media Dengan Faktor Persekutaran

Berbanding angkubah bebas sukakan calon dan pengaruh kempen, angkubah bebas pengaruh media menunjukkan taburan data yang lebih seimbang pada kelas-kelas tertentu. Namun begitu, perangkaan yang diperolehi tidak banyak bezanya dengan kedua-dua angkubah bebas di atas. Di dapati 192 responden (74.1 peratus) bersetuju bahawa pengaruh media tergolong sebagai penyumbang utama pembentukan polisi berdasas kepada persekitaran.

Berdasarkan data di Jadual 24, kumpulan kelas sederhana mencatat angka tertinggi bersetuju dengan peranan faktor sekitaran dalam pembentukan polisi iaitu 68 responden. Ini diikuti kelas tidak bersetuju 50 responden dan 41 responden lagi dalam kelas kurang bersetuju.

Kesimpulannya, ketiga-tiga angkubah bebas yang dihurai tersebut dilihat mempunyai hubungan yang signifikan dengan angkubah sandar faktor kuasa persekitaran. Didapati pemilihan jawapan "ya" dan "tidak" bagi ketiga-tiga angkubah bebas iaitu sukakan calon, pengaruh kempen, dan media masing-masing mencatat nisbah 192 : 76; 191 : 66; dan 192 : 67.

Jadual 24
Hubungan Pengaruh Media Dengan
Faktor Persekutaran

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai X ¹	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan		Jenis Respon Ya	Jenis Respon Tidak	Jumlah
						Signifikan	Tidak			
B	Pengaruh	Paktor	14.268	4	0.23	Signifikan pada				
A	Media	Sekitar				paras keertian				
H						0.064				
A	Amat Bersetuju						8	8	16	
G							(4.2%)	(11.9%)	(6.2%)	
I	Bersetuju						25	8	33	
A							(13.0%)	(11.9%)	(12.7%)	
N	Sederhana						68	11	79	
A							(35.4%)	(16.4%)	(30.5%)	
Kurang Bersetuju							41	13	54	
							(21.4%)	(19.4%)	(20.8%)	
Tidak Bersetuju							50	27	77	
							(26.0%)	(40.3%)	(29.7%)	
JUMLAH							192	67	259	
							(74.1%)	(25.9%)	(100.0%)	

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingenensi Koefisyen

**d. Hubungan Manifesto Parti Dengan
Faktor Persekutaran**

Korelasi angkubah bebas manifesto parti dan angkubah sandar faktor persekitaran menjanjikan perangkaan yang agak ketara berbeza. Berdasarkan keseluruhan data di Jadual 25, daripada sejumlah 259 responden, 192 (47.1 peratus) darinya menyokong pendapat bahawa faktor persekitaran mempunyai peranan dalam pembentukan polisi Kerajaan Kelantan. Bakinya, 67 orang berpendirian sebaliknya.

Jadual 25

Hubungan Manifesto Parti Dengan
Faktor Persekutaran

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon		Jumlah
							Ya	Tidak	
B	Manifesto Parti	Kuasa Persekutaran	7.816	4	0.17	Signifikan pada paras keertian 0.009			
A	Amat Bersetuju					34	22	56	
H						(17.7%)	(32.8%)	(21.6%)	
A	Bersetuju					66	16	82	
G						(34.4%)	(23.9%)	(31.7%)	
I	Sederhana					50	14	64	
A	Kurang Bersetuju					23	7	30	
N						(12.0%)	(10.4%)	(11.6%)	
B	Tidak Bersetuju					19	8	27	
						(9.9%)	(11.9%)	(10.4%)	
	JUMLAH					192	67	259	
						(74.1%)	(25.9%)	(100.0%)	

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingenensi Koefisyen

Daripada sejumlah 192 responden yang menyokong pendapat ini, 150 orang terdiri daripada kelompok yang berada pada tahap amat bersetuju; bersetuju; dan sederhana dengan masing-masing diwakili 34 : 66 : 50. Bakinya, 42 lagi sokongan dari kelas kurang setuju dan tidak setuju iaitu pada nisbah 23 : 19. Di pihak yang tidak bersetuju dengan pendapat ini, daripada jumlah 67 responden, diukur dari kelas amat bersetuju kepada tidak bersetuju menunjukkan

pecahan angka yang rata-ratanya semakin menurun pada kadar 22 : 16 : 14 : 7 : 8 orang. Perangkaan ini turut menggambarkan kepercayaan tinggi responden terhadap peranan faktor kuasa persekitaran dalam mempengaruhi pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan.

III. Korelasi Manifesto Parti Dengan Peranan Golongan Elit

Sejauhmana pengaruh dan peranan golongan elit dalam merencana polisi Kerajaan Kelantan merupakan salah satu perspektif penting kajian. Berdasarkan kepentingan politiknya, angkubah bebas manifesto parti telah dipadan dengan angkubah sandar golongan elit. Bagi menentukan kekuatan hubungan di antara kedua angkubah terlibat, sebuah hipotesis telah dibentuk. Hipotesis itu ialah:-

1. Wujud perbezaan mengenai tanggapan terhadap hubungan manifesto parti dengan pembentukan polisi berpusat kepada idea golongan elit.

Berdasarkan data yang diperolehi di Jadual 26, angka yang dipapar menunjukkan kelainan dengan lain-lain angkubah sebelumnya. Didapati, pendapat yang mengatakan pembentukan polisi Kerajaan Kelantan lebih berpusat kepada pandangan golongan elit tidak mendapat sokongan majoriti. Hanya 82

Jadual 26

Hubungan Manifesto Parti Dengan
Peranan Golongan Elit

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	OK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Ya	Tidak	Jenis Respon	Jumlah
B	Manifesto Parti	Golongan Blit	4.366	4	.12	Signifikan pada paras keertian 0.040				
A	Amat Bersetuju						16 (19.5%)	40 (22.5%)	56 (21.5%)	
H	Bersetuju						29 (35.4%)	54 (30.3%)	83 (31.9%)	
I	Sederhana						18 (22.0%)	46 (25.8%)	64 (24.6%)	
A	Kurang Bersetuju						13 (15.9%)	17 (9.6%)	30 (11.5%)	
N	Tidak Bersetuju						6 (7.3%)	21 (11.8%)	27 (10.4%)	
	JUMLAH						82 (31.5%)	178 (68.5%)	260 (100.0%)	

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

(31.5 peratus) daripada 260 responden menyokong
pendapat ini, manakala bakinya 178 menolak.

Kelompok yang diklasifikasikan amat bersetuju,
setuju dan sederhana merupakan dominan menolak
pendapat itu masing-masing mewakili 40 : 54 : 46
orang. Jumlah ini merupakan 53.8 peratus dari
keseluruhan responden. Penemuan ini menunjukkan
bahawa tidak ramai orang berpendapat golongan elit

yang berkuasa mutlak menentukan pembentukan polisi Kerajaan Negeri Kelantan.

C. Perlaksanaan Manifesto (PAS) Pilihanraya Umum 1990 - 1995

Bagi melihat pandangan umum terhadap pencapaian Kerajaan Kelantan mengenai perlaksanaan manifesto PAS yang diutara semasa Pilihanraya Umum (PRU) 1990 dan 1995 di bidang politik, pentadbiran dan ekonomi; beberapa angkubah bebas telah dipilih untuk dihubungkan dengan angkubah sandar dalam kategori ini. Angkubah bebas yang dipilih ialah mendaftar mengundi dan bilangan mengundi. Peraturan Islam dan hubungan pegawai pula mewakili angkubah sandar.

I. Hubungan Mendaftar Mengundi Dengan Peraturan Islam

Hubungan antara angkubah bebas mendaftar mengundi dengan angkubah sandar peraturan Islam menampakkan jawapan yang kukuh. Berdasar data di Jadual 27, didapati 170 (64.2 peratus) daripada 265 responden bersetuju bahawa perlaksanaan peraturan Islam dalam urusan pentadbiran semakin meningkat. Jumlah tersebut merupakan rangkuman dua kelas iaitu berjaya dan amat berjaya yang masing-masing diwakili 115 : 55 respon.

Jadual 27

Hubungan Mendaftar Mengundi Dengan
Peraturan Islam

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon			
							A/T/Berjaya	T/Berjaya	T/Pasti Berjaya	A/Berjaya
B	Mendaftar	Peraturan	2.373	4	0.94	Signifikan pada paras keertian 0.066				
A	Mengundi	Islam					12	49	28	111
H	Ya						(92.3%)	(96.1%)	(90.3%)	(96.5%)
A	Tidak						1	2	3	4
G							(7.7%)	(3.9%)	(9.7%)	(3.5%)
I										3
A										(4.9%)
N	JUMLAH						13	51	31	115
A							(4.9%)	(19.2%)	(11.7%)	(43.4%)
										265
										(100.0%)

Catatan

DK¹ = Darjah Kebebasan

KK² = Kontingensi Koefisyen

Sejumlah 31 responden pula berada dalam kelas tidak pasti, manakala bakinya seramai 64 (24.1 peratus) dalam kelas amat tidak berjaya dan tidak berjaya; masing-masing pada nisbah 13 : 51. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat sebilangan besar responden berpendapat bahawa wujud peningkatan perlaksanaan peraturan Islam dalam urusan pentadbiran Kerajaan Kelantan.

II. Hubungan Bilangan Mengundi Dengan Pegawai Tadbir

Hubungan angkubah bebas bilangan mengundi dengan angkubah sandar hubungan pegawai di Jadual 28 didapati "menongkah arus" dengan natijah yang

Jadual 28

Hubungan Bilangan Mengundi Dengan Pegawai Tadbir

Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
						A/T/Berjaya	T/Berjaya	T/Pasti Berjaya	A/Berjaya	Jumlah	
Bilangan Mengundi	Hubungan Pegawai	2.373	4	0.94	Signifikan pada paras keertian 0.066	21 (38.9%)	38 (46.9%)	30 (41.7%)	20 (45.4%)	5 (35.7%)	114 (43.0%)
3 kali ke bawah						26 (48.1%)	38 (46.9%)	27 (37.5%)	19 (43.2%)	7 (50.0%)	117 (44.2%)
4 ke 6 kali						7 (13.0%)	5 (6.2%)	15 (20.8%)	5 (11.4%)	2 (14.3%)	34 (12.8%)
7 kali ke atas						54 (20.4%)	81 (30.6%)	72 (27.2%)	44 (16.6%)	14 (5.3%)	265 (100.0%)
JUMLAH											

atakan

χ^2 ¹ = Darjah Kebebasan

χ^2 ² = Kontingensi Koefisyen

diperolehi sebagaimana korelasi di Jadual 27. Data menampakkan perangkaan menjurus kepada nilai negatif. Hanya 58 responden (21.9 peratus) daripada 265 orang berpendapat hubungan pegawai tadbir dengan Kerajaan Negeri semakin harmonis. Seramai 72 orang (27.2 peratus) berkedudukan tidak pasti, manakala bakinya 135 responden (51.0 peratus) dalam kategori amat tidak berjaya dan tidak berjaya masing-masing pada kadar 24 : 81. Ini menunjukkan majoriti responden berpendapat hubungan pegawai tadbir dengan Kerajaan Kelantan tidak harmonis.

Penemuan ini dikira realistik kerana responden dalam dua (2) kategori masing-masing kurang daripada 6 kali mengundi merupakan majoriti. Bagi kategori di bawah tiga (3) kali membuang undi jumlah bagi kelas amat tidak berjaya; tidak berjaya; dan tidak pasti adalah pada nisbah 21 : 38 : 30. Bagi kelas bilangan membuang undi 4 hingga 6 kali pula nisbah pada kelas-kelas yang sama adalah 26 : 38 : 27. Ini menunjukkan golongan "core" memegang pendapat yang sama.

D. Isu-Isu Semasa

Reaksi responden terhadap beberapa isu semasa yang dipilih turut diukur menerusi penganalisaan data secara bersilang dengan faktor-faktor kecenderungan mengundi. Justeru, beberapa aspek kecenderungan mengundi mencakupi tajaan, dikerah, janji projek, pengaruh kempen dan manifesto parti; selaku angkubah bebas telah disilang dengan manifesto PAS dan isu-isu semasa termasuk menuntut keadilan tanpa diskriminasi etnik, mengamalkan kepimpinan Islam, galakkan kesederhanaan, mempertingkat peranan masjid dan melaksana Hukum Hudud; sebagai angkubah sandar. Dalam masa yang sama, campurtangan di MPKB, peranan SUK dan Istana juga diberi perhatian.

Ke arah menilai korelasi kedua angkubah yang dipilih tersebut, beberapa hipotesis telah diunjurkan. Di antaranya yang menarik mencakupi:-

1. Terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang ditaja dengan hasrat menuntut keadilan dalam manifesto PAS.
2. Wujud perbezaan pendapat di antara kecenderungan mengundi yang dikerah dengan hasrat mengamal kepimpinan Islam dalam manifesto PAS.
3. Ada perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang dipengaruhi janji projek dengan galakkan kesederhanaan dalam manifesto PAS.
4. Terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang dipengaruhi janji projek dengan mempertingkat peranan masjid dalam manifesto PAS.
5. Terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang ditaja dengan hasrat melaksana Hukum Hudud dalam manifesto PAS.

I. Korelasi Kecenderungan Mengundi Dengan Manifesto PAS

Berdasar tujuh (7) Jadual yang dipamer, impak korelasi kedua angkubah ini terbahagi kepada dua (2) sudut. Pertama, berbentuk positif mencakupi korelasi-korelasi di antara tajaan dengan tuntutan keadilan; dikerah dengan mengamal kepimpinan Islam; terpengaruh janji projek dengan galakkan kesederhanaan; dan pengundian spontan dengan Majlis "Amanat Tok Guru". Kedua, berbentuk negatif termasuk korelasi dua angkubah di antara pengaruh media dengan dominasi politik Kelantan; pengaruh teman dengan peranan SUK; dan terpengaruh manifesto parti dengan keadilan Kerajaan Pusat.

a. Hubungan Di Antara Tajaan Dengan Tuntutan Keadilan

Jadual 29 yang tertera memaparkan seramai 161 responden (64.1 peratus) dari jumlah keseluruhan responden (260 orang) menyatakan tidak bersetuju wujud korelasi di antara kecenderungan mengundi akibat ditaja dengan tuntutan keadilan tanpa diskriminasi etnik sebagaimana manifesto PAS. Seramai 65 responden (25.0 peratus) berpendapat bersetuju. Bakinya, 34 orang (13.1 peratus) bersikap tidak pasti.

Jadual 29

**Hubungan Di Antara Tajaan Dengan
Tuntutan Keadilan**

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
							A/T/Berjaya	T/Berjaya	T/Pasti Berjaya	A/Berjaya	Jumlah	
B	Ditaja	Keadilan	45.296	16	0.38	Signifikan pada paras keertian 0.012						
A		Semua					4	11	2	8	4	29
H		Amat Bersetuju					(9.8%)	(27.5%)	(4.3%)	(9.2%)	(8.9%)	(11.2%)
A		Bersetuju					6	7	10	8	5	36
G							(14.6%)	(17.5%)	(21.3%)	(9.2%)	(11.1%)	(13.8%)
I		Sederhana					5	4	13	9	3	34
A							(12.2%)	(10.0%)	(27.7%)	(10.3%)	(6.7%)	(13.1%)
N		Kurang Bersetuju					2	8	7	6	6	29
							(4.9%)	(20.0%)	(14.9%)	(6.9%)	(13.3%)	(13.3%)
		Tidak Bersetuju					24	10	15	56	27	132
							(58.5%)	(25.0%)	(31.9%)	(64.4%)	(60.0%)	(50.8%)
	JUMLAH						41	40	47	87	45	260
							(15.8%)	(15.4%)	(18.1%)	(33.5%)	(17.3%)	(100.0%)

Dari analisa tersebut jelas bahawa hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi yang ditaja dengan hasrat menuntut keadilan dalam manifesto PAS boleh diterima. Sungguhpun begitu, majoriti responden didapati berkecenderungan berpendapat tidak bersetuju relatif bersetuju. Sekali imbas, perkembangan ini menampakkan sikap responden yang lebih menerima unsur positif pelaksanaan Kerajaan Negeri apatah lagi dalam konteks menuntut keadilan; sambil menidak ia dipengaruhi aspek bercorak negatif.

b. Hubungan Di Antara Dikerah Dengan Mengamal Kepimpinan Islam

Jadual 30 seterusnya melihat korelasi di antara kecenderungan mengundi akibat dikerah dengan hasrat PAS mengamal kepimpinan Islam sebagai sebahagian dari tuntutan syarak. Statistik mendapati majoriti responden tidak bersetuju ujуд hubungan kedua angkubah berkenaan pada kadar 52.7 peratus (137 orang). Sejumlah 88 responden (33.8 peratus) berpendapat sebaliknya. Baki, 35 orang (13.5 peratus) bersikap "atas pagar".

Pada prinsipnya, natijah dari penemuan ini tidak banyak beza dengan apa yang diperolehi di Jadual 13. Perangkaan yang ditemui jelas menunjukkan hipotesis bahawa wujud perbezaan pendapat di antara kecenderungan mengundi yang dikerah dengan hasrat mengamal kepimpinan Islam dalam manifesto PAS boleh diterima. Walau bagaimanapun, tahap tidak bersetuju didapati susut seramai 34 responden (1.4 peratus).

Bagi respon bersetuju pula, kelihatan hubungan ditaja dengan tuntutan keadilan relatif korelasi dikerah dengan mengamal kepimpinan Islam masing-masing pada nisbah 25.0% : 33.8%. Ini bererti, faktor dikerah mempunyai korelasi yang lebih kukuh dengan dokongan persetujuan responden, lebihan 8.8

Jadual 30

**Hubungan Di Antara Dikerah Dengan
Mengamal Kepimpinan Islam**

Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai X ¹	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
						A/T/Berjaya	T/Berjaya	T/Pasti Berjaya	A/Berjaya	Jumlah	
B Dikerah	Pimpinan Islam	44.907	16	0.38	Signifikan pada paras keertian 0.014						
A Amat Bersetuju						1 (6.3%)	3 (8.1%)	3 (7.1%)	10 (11.2%)	13 (17.1%)	30 (11.5%)
H Bersetuju						1 (6.3%)	13 (35.1%)	14 (33.3%)	21 (23.6%)	9 (11.8%)	58 (22.3%)
I Sederhana						2 (12.5%)	7 (18.9%)	8 (19.0%)	10 (11.2%)	8 (10.5%)	35 (13.5%)
N Kurang Bersetuju						10 (62.5%)	7 (18.9%)	7 (16.7%)	13 (14.6%)	11 (14.5%)	48 (18.5%)
M Tidak Bersetuju						3 (12.5%)	7 (18.9%)	10 (23.8%)	35 (39.3%)	35 (46.1%)	89 (34.2%)
JUMLAH						16 (6.2%)	37 (14.2%)	42 (16.2%)	89 (34.2%)	76 (29.2%)	260 (100.0%)

peratus. Sementara berpendirian mempunyai bezantara 0.3 peratus.

c. Hubungan Janji Projek Dengan Galakkan Kesederhanaan Dan Mempertingkat Peranan Masjid

Jadual 31 (Bahagian A dan B) pula dipilih bertujuan mengukur kekuatan hubungan di antara dua angkubah bebas dan sandar. Angkubah bebas diwakili janji projek sementara galakkan kesederhanaan serta mempertingkat peranan masjid selaku angkubah sandar.

Jadual 31

**Hubungan Janji Projek Dengan Galakkan
Kesederhanaan Dan Mempertingkat Peranan Masjid**

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
							A/T/Berjaya	T/Berjaya	T/Pasti Berjaya	A/Berjaya	Jumlah	
B	Janji Projek	Sederhana	29.774	16	0.32	Signifikan pada paras keertian 0.019						
A		Amat Bersetuju					3 (14.3%)	2 (4.4%)	3 (5.6%)	7 (7.7%)	3 (6.1%)	18 (6.9%)
G		Bersetuju					1 (4.8%)	8 (17.8%)	6 (11.1%)	6 (6.6%)	3 (6.1%)	24 (9.2%)
I		Sederhana					5 (23.8%)	10 (22.2%)	17 (31.5%)	13 (14.3%)	7 (14.3%)	52 (20.0%)
N		Kurang Bersetuju					5 (23.8%)	13 (28.9%)	12 (22.2%)	18 (19.8%)	5 (10.4%)	53 (18.5%)
		Tidak Bersetuju					7 (33.3%)	12 (26.7%)	16 (29.6%)	47 (51.6%)	31 (63.3%)	113 (43.5%)
		JUMLAH					21 (8.1%)	45 (17.3%)	54 (20.8%)	91 (35.0%)	49 (18.8%)	260 (100.0%)
B	"	Peranan Masjid	27.246	16	0.31	Signifikan pada paras keertian 0.038						
A		Amat Bersetuju					3 (18.8%)	1 (2.9%)	4 (8.0%)	6 (13.3%)	4 (6.5%)	18 (6.9%)
G		Bersetuju					3 (18.8%)	4 (11.4%)	6 (12.0%)	7 (15.3%)	4 (6.5%)	24 (9.3%)
I		Sederhana					1 (6.3%)	9 (25.7%)	11 (22.0%)	21 (21.9%)	9 (14.5%)	51 (19.7%)
N		Kurang Bersetuju					5 (31.3%)	10 (28.6%)	15 (30.0%)	15 (15.6%)	8 (12.9%)	53 (20.5%)
		Tidak Bersetuju					4 (25.0%)	11 (31.4%)	14 (28.0%)	47 (49.0%)	37 (59.7%)	113 (43.6%)
		JUMLAH					16 (6.2%)	35 (13.5%)	50 (19.3%)	96 (37.1%)	62 (23.9%)	259 (100.0%)

Terdapat sekurang-kurangnya empat penemuan menarik dari kedua-dua korelasi yang dilaksana. Pertama, majoriti responden berpendapat tidak bersetuju wujud korelasi janji projek dengan galakkan kesederhanaan dan mempertingkat peranan masjid. Bagi respon kategori ini, pendapat mengatakan tidak bersetuju didapati lebih vokal berbanding kurang bersetuju pada nisbah 113 : 53 responden atau 43.5% : 18.5%.

Kedua, adanya pandangan yang hampir seimbang di kalangan responden bagi kategori bersetuju dengan sederhana pada tahap pencapaian masing-masing sebanyak 16.1 peratus dan 20.0 peratus. Bagi kelompok persetujuan didapati jumlah bersetuju mengatasi amat bersetuju pada kadar 24 : 18 responden (9.2% : 6.9%).

Penghasilan data yang lebih menonjolkan kecenderungan responden menolak pelaksanaan manifesto dikait dengan unsur negatif berupaya meletakkannya di tahap tiga penemuan menarik. Senario ini seolah-olah menafikan sama sekali wujudnya kebergantungan hubungan untuk melaksana galakkan kesederhanaan dan mempertingkat peranan masjid dengan sebarang janji-janji projek. Tegasnya, tidak keterlaluan kalau di katakan janji-janji projek boleh disifat mampu mengikat kecenderungan pengundi tetapi tidak berupaya

mempengaruhi manifesto PAS 1990 dan 1995. Menyedari hakikat ini mungkin, PAS kelihatan mengelak dari membuat janji semasa period perkempenan sebaliknya lebih menekankan berusaha ke arah cuba menegakkan Islam secara total.

Keempatnya, penemuan ini sekaligus menunjukkan kedua-dua hipotesis yang menyatakan terdapat perbezaan pandangan di antara kecenderungan mengundi di pengaruhi projek dengan samada menggalak kesederhanaan mahupun mempertingkat peranan masjid boleh diterima. Meskipun begitu, kecenderungan tidak bersetuju nampaknya mengatasi pandangan sebaliknya dengan peratusan majoriti yang agak ketara.

d. Hubungan Pengaruh Kempen Dengan Peranan SUK

Data yang dibentang di Jadual 32 memaparkan sebilangan besar responden didapati tidak bersetuju wujud korelasi di antara kecenderungan mengundi akibat dipengaruhi ajakan teman dengan kekeruhan hubungan Kerajaan Negeri - Istana dikait peranan SUK. Respon tersebut mencatatkan sejumlah 190 orang (73.4 peratus).

Sementara sebilangan kecil seramai 28 responden (10.8 peratus) menyatakan persetujuan ada hubungan di antara kedua angkubah termaksud.

Jadual 32

Hubungan Pengaruh Kempen
Dengan Peranan SUK

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai X ²	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon			
							A/T/P/Hati	T/P/Hati	Kecuali P/Hati	A/P/Hati
B	Terpengaruh SUK	39.53*	16	0.36	Signifikan pada paras keertian 0.091					
A	Amat Bersetuju			1		5	2	1	5	14
H				(2.4%)		(7.0%)	(4.2%)	(2.4%)	(8.9%)	(5.4%)
A	Bersetuju			1		2	1	1	9	14
G				(3.4%)		(2.8%)	(2.1%)	(2.4%)	(16.1%)	(5.4%)
I	Sederhana			6		9	11	9	6	41
A				(14.3%)		(12.7%)	(22.9%)	(21.4%)	(10.7%)	(15.8%)
N	Kurang Bersetuju			2		21	14	8	7	52
A				(4.8%)		(29.6%)	(29.2%)	(19.0%)	(12.5%)	(20.1%)
T	Tidak Bersetuju			32		34	20	23	29	138
D				(76.4%)		(47.9%)	(41.7%)	(54.8%)	(51.8%)	(53.3%)
J	JUMLAH					42	71	48	56	259
M						(16.2%)	(27.4%)	(18.5%)	(21.6%)	(100.0%)

Bakinya, 15.8 peratus (41 responden) berpandangan sederhana.

e. Hubungan Di Antara Faktor Tajaan Dengan Campurtangan Kerajaan Negeri Di MPKB Adalah Wajar

Korelasi antara kedua angkubah faktor tajaan dengan campurtangan Kejaaan Negeri di MPKB selanjutnya dinilai menerusi Jadual 33. Berkaitan ini, majoriti responden bersikap tidak bersetuju

Jadual 33

**Hubungan Di Antara Faktor Tajaan
Dengan Campurtangan Di MPKB**

Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
						A/T/P/Hati	T/P/Hati	Kecuali P/Hati	A/P/Hati	Jumlah	
B	Ditaja	MPKB	37.140	16	0.35	Signifikan pada paras keertian 0.002					
A	Amat Bersetuju					8 (16.3%)	3 (8.1%)	4 (14.8%)	4 (5.3%)	10 (14.1%)	29 (11.2%)
H	Bersetuju					8 (16.3%)	5 (13.5%)	8 (29.6%)	11 (14.5%)	4 (5.6%)	36 (13.8%)
A	Sederhana					5 (10.23%)	12 (32.4%)	1 (3.7%)	6 (7.9%)	10 (14.1%)	34 (13.1%)
N	Kurang Bersetuju					5 (10.28%)	5 (13.5%)	5 (18.5%)	6 (7.9%)	8 (11.3%)	29 (11.2%)
A	Tidak Bersetuju					23 (76.4%)	12 (47.9%)	9 (41.7%)	49 (54.8%)	39 (51.8%)	132 (53.3%)
	JUMLAH					49 (18.8%)	37 (14.2%)	37 (10.4%)	76 (29.2%)	71 (27.3%)	260 (100.0%)

adanya hubungan di antara faktor kecenderungan mengundi berpaksi tajaan dengan kewajaran campurtangan Kerajaan PAS di MPKB. Seiringan ini, seramai 161 responden (64.5 peratus) berpendapat sedemikian berbanding 65 orang (25.0 peratus) berpandangan sebaliknya. Bakil, 34 orang (13.1 peratus) mengambil sikap sederhana.

Rumusannya, terdapat penemuan yang hampir serupa dari data-data yang diperolehi di Jadual 32 dan 33. Di antara yang menarik ialah kedua-dua

angkubah yang dihubung menghasilkan majoriti responden menyatakan tidak bersetuju. Sungguhpun begitu, angkubah yang melibatkan Jadual 16 didapati lebih vokal sifatnya dengan lebihan pandangan sekitar 8.9 peratus.

f. Hubungan Ditaja Dan Janji Projek Dengan Pelaksanaan Hukum Hudud

Jadual 34 selanjutnya melihat korelasi di antara faktor kecenderungan mengundi kerana tajaan dan janji projek dengan hasrat Kerajaan PAS melaksana Hukum Hudud. Hasilnya, data-data yang didapati masih menunjukkan majoriti responden tetap bersikap tidak bersetuju adanya hubungan di antara kedua korelasi berkenaan. Apatah lagi, sifat angkubah bebas yang dipilih berunsur negatif.

Perangkaan menggambarkan bagi kategori hubungan ditaja dengan pelaksanaan Hukum Hudud (Bahagian A), seramai 160 responden (61.8 peratus) berpendapat tidak bersetuju wujud korelasi di antara kedua pihak. Seramai 65 responden (25.1 peratus) lagi berpendapat bersetuju. Bakinya, kira-kira 13 peratus mengambil "*jalan tengah*".

Berkait korelasi yang melibatkan janji projek pula (Bahagian B), kecenderungan pandangan serupa diperolehi. Bagi kategori ini, seramai 165

Jadual 34

Hubungan Ditaja Dan Janji Projek Dengan Pelaksanaan Hukum Hudud

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon					
							A/T/P/Hati	T/P/Hati	Kecuali P/Hati	A/P/Hati	Jumlah	
B	Ditaja	Hudud	37.565	16	0.35	Signifikan pada paras keertian 0.017						
A	Amat Bersetuju						9 (16.1%)	3 (9.1%)	2 (6.7%)	5 (9.3%)	10 (11.6%)	29 (11.2%)
G	Bersetuju						9 (16.1%)	9 (27.3%)	4 (13.3%)	6 (11.1%)	8 (9.3%)	36 (13.9%)
I	Sederhana						6 (10.7%)	7 (21.2%)	10 (33.3%)	6 (11.1%)	5 (5.8%)	34 (13.1%)
N	Kurang Bersetuju						5 (8.9%)	3 (9.1%)	7 (23.3%)	6 (11.1%)	8 (9.3%)	29 (11.2%)
A	Tidak Bersetuju						27 (48.2%)	11 (33.3%)	7 (23.3%)	31 (57.4%)	55 (64.0%)	131 (50.6%)
	JUMLAH						56 (21.6%)	33 (12.7%)	30 (11.6%)	54 (20.8%)	86 (33.2%)	259 (100.0%)
B	Janji Projek	"	42.960	16	0.37	Signifikan pada paras keertian 0.028						
A	Amat Bersetuju						3 (5.4%)	2 (6.1%)	1 (3.3%)	6 (11.1%)	6 (7.0%)	18 (6.9%)
G	Bersetuju						9 (16.1%)	4 (12.1%)	4 (13.3%)	4 (7.4%)	3 (3.5%)	24 (9.3%)
I	Sederhana						16 (28.6%)	13 (39.4%)	6 (20.0%)	6 (11.1%)	11 (12.8%)	52 (20.1%)
N	Kurang Bersetuju						12 (21.4%)	6 (18.2%)	11 (36.7%)	11 (20.4%)	12 (14.0%)	52 (20.1%)
A	Tidak Bersetuju						16 (28.6%)	8 (24.2%)	8 (26.7%)	27 (50.0%)	54 (62.8%)	113 (43.6%)
	JUMLAH						56 (21.6%)	33 (12.7%)	30 (11.6%)	54 (20.8%)	86 (33.2%)	259 (100.0%)

responden (63.7 peratus) memihak kepada tidak bersetuju adanya hubungan antara kedua angkubah berkenaan. Selebihnya, masing-masing seramai 42 orang (16.2 peratus) dan 52 responden (20.1 peratus) menyatakan persetujuan dan berpendirian sederhana.

Secara komparatif, sungguhpun pandangan yang membabitkan kedua angkubah mempunyai unsur-unsur persamaannya, namun terdapat sedikit perbezaan dari segi penjumlahan dan peratusan. Ini ketara apabila angkubah yang melibatkan janji projek kelihatan menerima bantahan lebihan 5 responden (1.9 peratus). Begitu halnya, bagi yang berpendirian sederhana, kategori serupa mencatat lebihan seramai 18 orang (7.0 peratus).

g. Hubungan Ditaja Dan Manifesto Parti Dengan Keadilan Kerajaan Persekutuan

Jadual 35, didapati dua angkubah bebas melibatkan kecenderungan mengundi yang ditaja dan dipengaruhi manifesto parti telah dipilih sebagai angkubah bebas untuk diganding dengan keadilan Kerajaan Persekutuan dalam mengagih peruntukan; selaku angkubah sandar. Bagi melihat kekuatan hubungan keduanya, ikatan pendapat masih diagih kepada tiga kelompok utama, iaitu, bersetuju;

Jadual 35

Hubungan Ditaja Dan Manifesto Parti Dengan
Keadilan Kerajaan Persekutuan

	Angkubah Bebas	Angkubah Sandar	Nilai χ^2	DK ¹	KK ²	Signifikan/Tidak Signifikan	Jenis Respon				
							A/T/P/Hati	T/P/Hati	Kecuali P/Hati	A/P/Hati	Jumlah
B	Ditaja	Pusat	40.869	16	0.37	Signifikan pada paras keertian 0.058					
A	H	Adil					7	7	1	7	7
A	G	Amat Bersetuju					(11.9%)	(9.7%)	(5.6%)	(10.4%)	(16.3%)
I	A	Bersetuju					5	6	4	9	12
N		Sederhana					(8.5%)	(8.3%)	(22.2%)	(13.4%)	(27.9%)
		Kurang Bersetuju					4	6	1	11	7
		Tidak Bersetuju					(6.8%)	(8.3%)	(5.6%)	(16.4%)	(16.3%)
							39	46	8	23	15
							(66.1%)	(63.9%)	(44.4%)	(34.3%)	(34.9%)
		JUMLAH					56	33	30	54	86
							(21.6%)	(12.7%)	(11.6%)	(20.8%)	(33.2%)
B	Manifesto	"	40.327	16	0.37	Signifikan pada paras keertian 0.070					
A	H	Parti					21	10	2	11	12
A	G	Amat Bersetuju					(35.6%)	(13.9%)	(11.1%)	(16.4%)	(27.9%)
I	A	Bersetuju					15	26	4	18	19
N		Sederhana					(25.4%)	(36.1%)	(22.2%)	(26.9%)	(44.2%)
		Kurang Bersetuju					9	22	4	23	5
		Tidak Bersetuju					(15.3%)	(30.6%)	(22.2%)	(34.3%)	(11.6%)
							4	7	7	10	3
							(6.8%)	(9.7%)	(38.9%)	(14.9%)	(7.0%)
		JUMLAH					10	7	1	5	4
							(16.9%)	(9.7%)	(5.6%)	(7.5%)	(9.3%)
							59	72	18	67	43
							(22.8%)	(27.8%)	(6.9%)	(25.9%)	(16.6%)
											259

sederhana dan tidak bersetuju. pandangan yang ketara di antara kedua kategori tersebut.

Pada keseluruhannya, terdapat dua aspek menonjol hasil perolehan data yang perlu diberi perhatian. Pertama, sebilangan responden berpendapat tidak bersetuju wujudnya hubungan faktor tajaan dengan keadilan Kerajaan Persekutuan. Kategori ini mencatatkan perangkaan melebihi 60 peratus. Penemuan ini sebenarnya memberi dua impak. Impak-impak tersebut ialah majoriti responden menolak kecenderungan mengundi mereka kerana adanya unsur-unsur tajaan dan menafikan wujudnya sebarang keadilan pihak Kerajaan Pusat terhadap agihan peruntukan seimbang tanpa mengira parti. Di sudut yang lain, penemuan ini seolah-olah melambangkan kesangsian rakyat Kelantan terhadap Kuala Lumpur masih menebal.

Kedua, wujud penerimaan responden terhadap korelasi di antara manifesto parti dengan keadilan peruntukan Kerajaan Pusat. Bagi kumpulan ini, kekuatan korelasi kedua pihak terpapar agak kukuh apabila seramai 138 responden (53.3 peratus) menyatakan persetujuan. Hasil data tersebut mencerminkan pengaruh manifesto parti masih mendapat tempat di hati para pengundi. Dalam masa yang sama, agihan peruntukan Kerajaan Persekutuan turut menjadi penyumbang dan tidak ditolak secara total.